



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# Laporan Peperiksaan **STPM 2023**



## Bahasa Arab (913)



## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 2023, sebanyak 1 649 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 54.40% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
<b>Peratusan</b>	11.89	5.03	6.61	7.03	7.94	7.82	8.07	8.22	3.89	6.99	26.50

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah sederhana. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 64 markah daripada markah penuh 70 markah dan seorang calon mendapat markah terendah, iaitu lima markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah sederhana terutamanya dari segi penguasaan perbendaharaan kata dan tatabahasa. Soalan 1, 2, 3, 4, dan 5 ialah soalan berbentuk kefahaman dan karangan, manakala empat soalan, iaitu soalan 6, 7, 8, dan 9 ialah soalan yang berbentuk aplikasi.

### Komen soalan demi soalan

#### Bahagian I: Kefahaman

##### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menjawab tujuh soalan pemahaman berdasarkan teks yang diberikan berkaitan cara umat Islam menyambut bulan Ramadhan di Malaysia. Soalan dikemukakan merangkumi pelbagai kata tugas menguji pengetahuan atau kefahaman. Bagi soalan (a), (b), (c), (d), dan (e) jawapan pelajar secara purata adalah rendah. Ini dapat dilihat pada skor min kebanyakan pusat iaitu berada pada tahap rendah. Kelemahan calon adalah kerana calon tidak faham atau kurang memahami teks yang diberikan dengan baik. Calon hanya menyalin jawapan tanpa mengambil kira kehendak soalan menyebabkan jawapan calon salah, kurang tepat atau terlalu panjang dari jawapan yang sepatutnya. Hal ini demikian kerana calon tidak mampu mengolah jawapan dengan menggunakan gaya bahasa mereka selain tidak memahami soalan dan teks yang diberikan. Soalan (f) pula menghendaki calon memberikan perkataan seerti. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab dua daripada empat soalan yang diberikan. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam perbendaharaan kata.

## **Bahagian II: Karangan**

### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan solat berjemaah dalam pembinaan keperibadian muslim. Ia adalah soalan yang menjadi pilihan ramai calon. Antara isi yang dikemukakan oleh calon ialah solat berjemaah dapat mendidik keperibadian muslim agar lebih berdisiplin, bersabar dan mengurus masa serta menjaga tingkah laku. Solat berjemaah juga dapat mengeratkan silaturrahim dalam kalangan muslim yang menunaikannya tanpa mengira umur, pangkat dan warna kulit. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah dengan menyatakan kesan solat Jumaat. Calon sepatutnya meneliti tajuk yang dikemukakan terlebih dahulu dan merancang isi yang berkaitan sebelum menjawab soalan. Soalan ini agak mudah untuk calon mendatangkan isi dan ramai calon yang memilih tajuk ini. Kesalahan tatabahasa sama ada saraf atau nahu dan uslub yang lemah banyak berlaku ketika calon-calon mengemukakan isi-isinya penting dan huraiannya. Selain itu ada sebilangan kecil calon memasukkan teks petikan sebagai isi karangan. Situasi ini menyebabkan bilangan patah perkataan ditolak sekaligus bilangan patah perkataan kurang daripada 100. Secara purata min markah yang dicatat untuk soalan ini adalah rendah, menunjukkan bahawa kebanyakan calon menghasilkan esei yang kurang memuaskan..

### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan permainan tradisional di Malaysia. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini tidak dapat mengemukakan isi dengan baik. Mereka menggunakan karangan yang diingat lalu diadaptasi dengan karangan yang dipilih namun isi yang diutarakan kurang bertepatan dengan kehendak soalan. Sebahagian mereka pula hanya menyatakan beberapa contoh permainan tradisional yang terdapat di Malaysia dan kesan daripadanya. Calon seharusnya memilih beberapa permainan tradisional tersebut dan menerangkan cara ia dimainkan. Di samping itu, kesalahan tatabahasa sama ada sorf atau nahu dan uslub banyak berlaku ketika calon mengemukakan isi-isinya penting dan huraiannya. Secara purata min markah soalan ini adalah rendah, menunjukkan bahawa kebanyakan calon gagal menghasilkan penulisan yang baik tentang tajuk ini.

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan adat perkahwinan di Malaysia. Kebanyakan calon yang memilih tajuk ini tidak dapat mengolah idea mereka dengan baik. Mereka hanya menceritakan rukun akad nikah dan menghuraikan rukun tersebut. Sepatutnya calon menceritakan suasana majlis perkahwinan iaitu kehadiran tetamu yang ramai dari jauh dan dekat, pelamin dihiasi dengan cantik dan berwarna-warni, kanopi didirikan di halaman rumah, hadirin dijamu dengan pelbagai hidangan, dan diakhiri dengan majlis persandingan pengantin lelaki dan perempuan.

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan akidah Islam sebagai asas kebahagiaan di dunia dan akhirat. Tajuk keagamaan ini agak dekat dengan pelajar, justeru menjadi pilihan ramai calon. Antara isi yang dikemukakan oleh calon ialah kepentingan akidah Islam adalah dapat mendekatkan diri kepada Allah swt agar sentiasa berada di jalan yang lurus. Selain itu, ia juga dapat menyemai sifat mahmudah dalam diri individu muslim serta menyucikannya daripada sifat mazmumah. Walaupun demikian terdapat sebahagian calon yang tidak dapat memberikan isi yang jelas dan bersesuaian dengan tajuk atau kehendak soalan. Sebahagian calon pula terkeliru dengan memfokuskan kepada Ibadah dan ia

dikira terkeluar dari tajuk. Terdapat juga calon yang dapat memberikan isi yang menepati kehendak soalan namun lemah dalam menghuraikan isi tersebut menyebabkan kehilangan markah.

### **Bahagian III: Saraf**

#### **Soalan 6**

Soalan (a) menghendaki calon menukarkan *fi'l* kepada ism *fai'l* dan meletakkannya di tempat kosong untuk melengkapkan ayat. Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik terutama calon yang mahir dengan *tasrif fi'l*. Berdasarkan jawapan calon, didapati ramai calon menguasai dengan baik kaedah *tasrif fi'l thulathi* kepada sighah ism *fai'l*. Namun demikian, terdapat calon yang tersilap menjawab pada soalan (a- 4) dan (a- 5) kerana calon bukan sekadar perlu menukar kepada *sighah ism fai'l* tetapi juga perlu menyesuaikannya dengan kedudukan i'rabnya dalam ayat. Bagi soalan (a- 4) calon perlu menjadikan *ism fai'l* dalam keadaan *nasab*, manakala bagi soalan (a- 5) *ism fai'l* dalam bentuk *muannath*. Ramai calon gagal mengemukakan jawapan tepat bagi kedua-dua soalan ini disebabkan kelemahan mereka dari segi menggunakan perkataan mengikut konteks ayat.

Soalan (b) pula menghendaki calon mengeluarkan lima *ism isyarat* daripada petikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hanya sebahagian kecil calon sahaja yang masih tidak dapat mengenali pasti *ism isyarat* dan terkeliru dengan kata ganti (*dhomir*). Terdapat sebahagian kecil calon kurang faham kehendak soalan dengan mengemukakan isim isyarat berserta *al musyaru ilaihi* tanpa menentukan *ism isyarat* dengan membuat penandaan kepada perkataan yang berkenaan. Secara purata, min markah soalan ini adalah baik, menunjukkan bahawa kebanyakan calon menguasai dengan baik tajuk yang diuji dalam soalan ini.

#### **Soalan 7**

Soalan (a) menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan *zarf* yang sesuai daripada senarai dalam kurungan. Prestasi jawapan calon untuk soalan ini adalah pada tahap baik. Ramai calon berjaya menjawab dengan betul hampir semua ceraian soalan ini. Manakala kesilapan calon dalam menjawab soalan ini disebabkan mereka tidak memahami maksud ayat atau *zarf* yang disenaraikan sehingga jawapan yang diberikan bertentangan dengan hakikat kenyataan.

Soalan (b) pula menghendaki calon membawakan sighah *ism maf'uul* bagi setiap *fi'l* yang diberikan beserta baris lengkap. Kebanyakan calon berjaya menjawab dengan baik khususnya soalan ceraian 1, 2 dan 3 yang melibatkan *fi'l thulathi saih*. Namun bagi soalan ceraian 4 dan 5 yang melibatkan *fi'l thulathi mazid* dan yang mempunyai *harf i'llah*, ternyata sebahagian calon gagal menjawab dengan baik.

### **Bahagian IV: Qawaid**

#### **Soalan 8**

Soalan (a) menghendaki calon menggunakan perkataan yang diberikan sebagai *mubtada'* dalam ayat lengkap. Majoriti calon tidak dapat menjawab dengan baik soalan ini. Antara kelemahan calon ialah menggunakan perkataan yang diberikan sebagai *mubtada'* tetapi ciri-cirinya tidak lengkap seperti menggunakananya dalam keadaan nakirah. Sebahagian calon pula tidak tahu apa itu *mubtada'*, maka mereka menggunakan perkataan yang diberikan sebagai khabar dan sebagainya. Selain itu, calon juga melakukan kesilapan ketidaksepadanan antara *mubtada'* dan *khabar* dari segi *tazkir* dan *ta'nith* serta *ifrad*, *tathniah* dan *jama'*. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti calon belum menguasai topik *mubtada'* walaupun ia adalah topik asas dalam nahu.

Soalan (b) pula menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan memilih *adat nafi* yang sesuai. Tidak ramai calon yang berjaya mendapat markah penuh untuk soalan ini. Majoriti calon hanya berjaya menggunakan 2 dan 3 *adat nafi* yang betul dalam soalan yang diberi. Kelemahan calon adalah kerana calon tidak menguasai dengan baik ciri-ciri setiap *huruf nafi* dan penggunaannya sama ada dalam *jumlah ismiyyah* atau *fi'liyah*. Natijahnya calon tidak dapat meletakkan huruf nafi yang sesuai pada tempatnya dengan tepat dan betul. Hal ini disebabkan calon tidak menguasai topik *adat nafi* dengan baik.

### **Soalan 9**

Soalan (a) menghendaki calon menukar bentuk *jumlah fi'liyyah* kepada *ismiyyah* dan melakukan perubahan yang perlu. Majoriti calon dapat memahami soalan dengan baik dan boleh menukar *jumlah fi'liyyah* kepada *ismiyyah* dengan baik. Hanya kekurangan jawapan calon adalah kesalahan pada *khobar* di mana calon melakukan kesilapan semasa menukar *khobar fi'il* dengan tidak mengambil kira kesepadan dengan *mubtada'* dari segi bilangan (samada *mufrad* atau *jama'*). Sebahagian calon yang lain melakukan kesilapan apabila tidak membuat perubahan yang perlu malah mengekalkan *fi'il* dalam bentuk asal. Terdapat pula sekumpulan kecil calon yang langsung tidak dapat markah kerana mereka mengubah apa yang tidak perlu seperti mengubah *fi'il mudhori'* kepada *fi'il madhi* dan sebagainya. Hal demikian menunjukkan kelemahan calon membina ayat namaan (*jumlah ismiyyah*) mengikut kaedah tatabahasa yang betul.

Soalan (b) pula menghendaki calon meletakkan baris pada akhir setiap perkataan yang bergaris. Secara purata, prestasi calon bagi soalan ini agak sederhana. Calon dapat memahami kehendak soalan ini dengan baik namun kebanyakan mereka tidak dapat memperolehi markah penuh kerana mereka perlu memahami hukum *i'rab* bagi tajuk-tajuk nahu seperti *khobar*, *fi'il mudhori'*, *mubtada'*, *fa'il*, *maf'u'l bih* juga *isim majrur*, disusuli dengan menanda huruf akhirnya dengan baris yang betul. Biasanya, calon dapat menjawab betul untuk 4 atau 5 daripada 10 perkataan yang perlu ditarik. Hal ini kerana calon kurang penguasaan tentang *i'rab* kalimah dan tanda-tandanya.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2 2023, sebanyak 1 554 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 52.64% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
<b>Peratusan</b>	11.39	6.50	4.89	7.85	6.24	9.40	6.37	5.47	6.82	6.05	29.02

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah baik. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 63 markah daripada markah penuh 70 markah dan seorang calon yang memperoleh markah terendah, iaitu dua markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian pemahaman, karangan, dan tatabahasa adalah lemah. Satu soalan, iaitu soalan 1 ialah soalan yang beraras rendah. Bagi soalan 6, 7, 8, dan 9 pula ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 2, 3, 4, dan 5 ialah soalan aras tinggi.

### Komen soalan demi soalan

#### Bahagian I: Kefahaman

##### Soalan 1

Soalan (a), (b), (c), (d) dan (e) menghendaki calon mengemukakan jawapan berdasarkan teks yang diberikan. Teks berkaitan internet dan kelebihannya. Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian besar calon menjawab soalan menggunakan frasa dan ayat daripada teks yang diberikan tanpa penggunaan penanda wacana yang sesuai bagi setiap soalan. Kelemahan penguasaan kosa kata dan aspek tatabahasa menjadi penyebab kepada keadaan ini. Soalan ceraian (a), (b), (c), (d) dengan jelas meminta calon memberikan jawapan yang boleh dipetik secara langsung daripada petikan dengan sedikit pengubahsuaian pada penggunaan penanda wacana manakala soalan (e) pula menghendaki calon memberikan perkataan berlawanan bagi setiap perkataan yang diberikan. Majoriti calon hanya dapat menjawab empat sahaja daripada lima soalannya yang dikemukakan. Ramai daripada calon tidak dapat memberikan perkataan berlawanan yang tepat bagi perkataan يفتح. Keadaan ini mungkin disebabkan calon tidak memiliki kosa kata yang mencukupi selain daripada kelemahan dari aspek tatabahasa.

## **Bahagian II: Karangan**

### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan dan menyatakan peranan sukan sekolah dalam pembentukan sahsiah pelajar. Walaupun soalan ini merupakan soalan paling popular dalam kalangan calon berbanding dengan tiga lagi soalan Maqal. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, mereka hanya menyatakan peranan رياضة dalam bentuk umum sahaja tanpa mengaitkannya dengan pembentukan sahsiah pelajar.

Keadaan ini disumbangkan oleh kebergantungan pelajar kepada contoh karangan siap yang telah dihafal. Jawapan yang tidak fokus kepada kehendak sebenar soalan menyebabkan mereka tidak mendapat markah yang sepatutnya. Selain itu, calon juga tidak menguasai kosa kata dan aspek tatabahasa yang baik menyebabkan maksud yang ingin diutarakan tidak dapat dijelaskan dengan baik.

Pada asasnya, majoriti calon kurang memahami kehendak soalan. Karangan yang ditulis hanya menghuraikan sebahagian daripada arahan soalan sahaja iaitu faedah sukan terhadap manusia. Sepatutnya, calon perlu menjelaskan kesan program sukan yang telah dilaksanakan oleh sekolah dalam membentuk sahsiah pelajar. Jawapan calon berkaitan faedah bersukan sahaja tanpa dikaitkan dengan program sukan sekolah menyebabkan calon hilang sebahagian markah isi. Selain itu calon juga masih terikat dengan karangan yang di hafal tanpa melihat kepada arahan soalan.

### **Soalan 3**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kepentingan ilmu dan keperluan menuntut ilmu pada zaman sekarang. Soalan ini bukanlah merupakan soalan pilihan yang dijawab oleh calon. Majoriti calon yang menjawab soalan ini membincangkan peranan ilmu dalam kehidupan manusia.

Kelemahan calon yang amat ketara dari sudut penulisan iaitu kelemahan tatabahasa dan juga tidak menepati jumlah bilangan perkataan yang dikehendaki. Calon yang menjawab soalan ini menunjukkan kesungguhan untuk memberikan karangan terbaik akan tetapi calon menghadapi kesukaran mencari kosa kata yang sesuai bagi soalan ini.

### **Soalan 4**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faedah menggunakan teknologi dalam pengajaran sekolah. Soalan ini juga menjadi pilihan calon. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menghuraikan faedah penggunaan teknologi dalam pengajaran sekolah dengan baik. Antara kelemahan yang ketara yang dilakukan oleh calon ialah kurang penguasaan kosa kata dan tatabahasa serta menggunakan gaya bahasa Melayu.

Majoriti calon yang menjawab soalan ini menyalin ayat atau perenggan daripada teks kefahaman. Sebahagian calon mengambil kosa kata dari petikan kefahaman tanpa mengubah struktur dan bentuk ayat yang menyebabkan bilangan patah perkataan di tolak dari karangan.

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menulis surat tidak rasmi kepada rakannya dengan memberi nasihat untuk meninggalkan tabiat merokok. Kekuatan jawapan calon dalam soalan ini ialah penggunaan format surat kiriman tidak rasmi dengan agak baik. Walau bagaimanapun, masih terdapat calon yang tidak menjelaskan tujuan menulis surat iaitu nasihat untuk meninggalkan tabiat merokok.

Ini menyebabkan sebahagian calon menulis surat yang tidak mencapai bilangan patah perkataan yang dikehendaki. Sebahagian besar calon juga tidak menjawab arahan soalan. Mereka menjelaskan keburukan merokok tetapi tidak menasihati rakan mereka untuk berhenti merokok.

### **Bahagian III: Saraf**

#### **Soalan 6**

Soalan (a) menghendaki calon mengeluarkan مصدر ثلاثي berserta dengan baris. Sebahagian besar calon gagal membezakan antara مصدر غير ثلاثي dengan مصدر ثلاثي. Mereka mengeluarkan مصدر yang bukan ثلاثي pada jawapan mereka. Ini menyebabkan calon kehilangan keseluruhan markah bagi soalan ini. Bagi calon yang dapat menjawab مصدر ثلاثي pula, mereka meletakkan baris yang salah menyebabkan mereka kehilangan markah pada bahagian ini. Soalan (b) pula menghendaki calon membina مصدر ميمي dalam bentuk wazan yang betul namun ada sebagian calon tersalah meletakkan baris. Namun, prestasi jawapan caloan soalan ceraian ini lebih baik berbanding soalan ceraian (a).

### **Bahagian IV: Qawaид**

#### **Soalan 7**

Soalan (a) menghendaki calon menggunakan setiap perkataan yang diberi sebagai مفعول لأجله dalam ayat yang lengkap. Sebahagian calon dapat memberikan jawapan yang baik soalan ini. Namun, sebahagian calon gagal membina ayat مفعول لأجله dengan sempurna, terutama pada kalimah “ابتغاء”. Terdapat sebilangan kecil calon masih kurang memahami dalam membina ayat mengikut kaedah yang sebenar. Soalan (b) menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai daripada perkataan dalam kurungan. Sebahagian calon dapat memilih jawapan yang dikehendaki dengan baik. Namun, terdapat calon yang tidak dapat menentukan dengan tepat jawapan yang dikehendaki. Calon masih kurang mahir dalam menentukan jenis-jenis خبر yang dikehendaki.

#### **Soalan 8**

Soalan (a) menghendaki calon mengisi tempat kosong dengan مفعول المطلق yang sesuai. Kebanyakan calon betul dua dari lima soalan yang diberikan. Ramai calon yang tidak tahu masdar bagi perkataan ini mungkin kerana perkataan ini kurang digunakan di dalam pembelajaran mereka. Kebanyakan calon dapat memberikan مصدر bagi perkataan مفعول المطلق sebagai حب ، يستغفر dengan tepat. Sebahagian kecil calon tidak menasabkan menjadikan markah mereka dipotong. Lemah dalam menguasai tajuk masdar menjadikan calon tidak mendapat markah penuh di dalam soalan ini. Soalan (b) pula menghendaki calon mengubah نائب فاعل kepada مفعول به beserta dengan perubahan diperlukan. Tiada calon yang mendapat markah penuh bagi soalan ini. Terdapat sebahagian calon meletakkan baris bagi فعل مجهول به walaupun tidak diminta. Pada asasnya calon tahu bagaimana untuk menukarkan kepada نائب فاعل dengan membuat مفعول به، namun mereka tidak mampu untuk menyesuaikan antara مفعول به نائب فاعل مؤنث mengikut konsep ذكر dan فعل yang betul.

## Bahagian V: *Balaghah*

### Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon membina ayat bagi dua wajh syabah yang diberikan dalam ayat **تشبيه وجه شبه**. Soalan (b) menghendaki calon menentukan **جناس** dan jenisnya daripada ayat yang diberikan manakala soalan (c) pula menghendaki calon menentukan kedudukan **سجع** dalam contoh yang diberi. Secara umumnya, calon dapat menjawab soalan bahagian ini dengan baik. Keadaan ini mungkin disebabkan contoh ayat al-Quran, ungkapan dan puisi yang diberikan merupakan contoh yang biasa dijumpai oleh calon sebelum ini. Selain itu, calon dilihat lebih bersedia untuk menjawab soalan ini. Namun, beberapa kelemahan dalam jawapan calon telah dikenalpasti iaitu:

1. sebahagian calon masih tidak dapat memberi contoh bagi dua **وجه شبه** dalam bentuk ayat yang lengkap dan betul penggunaan tatabahasa. Sebilangan pelajar dapat memberikan contoh bagi wajh syabah **الهدایة** dengan baik seperti perbandingan dengan cahaya, sahabat nabi dan ulama. Amat sedikit yang dapat memberikan jawapan bagi wajh syabah **الجود**.
2. sebahagian calon tidak dapat mengeluarkan **جناس** yang betul bagi soalan ketiga (**العشاء - العشاء**) dengan memberikan jawapan **فضلات - حضرت**. Calon juga tidak dapat mengeluarkan jenis **جناس** yang betul bagi soalan tiga dan empat.
3. sebahagian calon tidak mengeluarkan **السجع** mengikut kehendak soalan, sebaliknya mereka memberikan jenis **السجع**. Selain itu, terdapat calon juga tidak memberikan **السجع** yang lengkap untuk soalan empat iaitu **(وفى - كفى - عفا)**.

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1 537 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 53.88% daripadanya telah lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
<b>Peratusan</b>	11.00	7.09	8.85	11.26	3.90	8.20	3.58	3.64	8.20	5.14	29.15

## RESPONS CALON

### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada semester ini adalah sederhana. Terdapat seorang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 43 markah daripada markah penuh 50 markah dan seorang calon memperoleh markah terendah, iaitu satu markah.

Secara umumnya, prestasi calon dalam bahagian meringkaskan karangan dan sastera adalah lemah. Berdasarkan respons calon, satu soalan 1, 2, dan 3 ialah soalan aras sederhana, manakala soalan 4 dan soalan 5 ialah soalan aras tinggi.

Secara keseluruhannya, jawapan calon adalah lemah, terutama dalam bahagian Adab dan Nusus. Kebanyakan calon kurang memahami kehendak soalan. Mereka memberikan jawapan yang lain daripada yang dikehendaki.

### Komen soalan demi soalan

#### Bahagian I: Kefahaman

##### Soalan 1

Soalan ini berkaitan dengan sektor pelancongan. Bahasa yang digunakan sederhana dan tidak tinggi. Walaupun begitu aras kesukaran soalan (a) iaitu meringkas adalah pada tahap sukar kerana ia menguji calon memahami dan mengolah semula jawapan dalam jumlah perkataan yang dikehendaki dengan menggunakan ayat sendiri. Begitu juga dengan soalan (b) yang menghendaki calon menghurai dan menjelaskan satu ungkapan daripada petikan karangan tersebut. Soalan bahagian ini amat mencabar disebabkan calon perlu memahami ayat tersebut dengan baik dan menghuraikannya dengan menggunakan ayat dan uslub sendiri. Kebanyakan calon tidak mendapat markah yang tinggi bagi soalan ini.

## **Bahagian II: Saraf**

### **Soalan 2**

Soalan (a) meminta calon menukar kata nama tunggal (*mufrad*) kepada kata nama *jamak muzakkar salim*. dan soalan (b) meminta calon menukar perkataan yang diberi kepada *nisbah*. Soalan menukar perkataan yang ada kaedah ini berada di aras sederhana, namun menjadi tinggi apabila perkataan yang diberikan berakhir dengan huruf *illah*. Namun demikian, kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

## **Bahagian III: Nahu**

### **Soalan 3**

Soalan (a) menghendaki calon menentukan *hal* dan *jenisnya*. Tahap soalan ini agak mudah kerana calon hanya perlu menentukan *hal* dan *jenisnya* berdasarkan ayat yang diberikan dalam soalan. Soalan (b) pula pada tahap aplikasi yang meminta calon menjadikan perkataan yang diberikan dalam soalan sebagai *mudhof* dalam ayat sempurna. Perkataan yang diberikan pula ada yang boleh terus digabungkan dan ada yang perlu dibetulkan terlebih dahulu supaya tepat dengan kaedah nahu.

## **Bahagian IV: Sastera**

### **Soalan 4**

Soalan ceraian (a) meminta calon menyatakan 3 daripada makna-makna syair pada zaman Islam. Soalan ceraian (b) meminta calon menyatakan nama *penyair* dan *tajuk syair*. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah fakta. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam mengingat fakta-fakta penting yang berkaitan puisi tersebut. Soalan ceraian (c) meminta calon menghuraikan makna ungkapan dalam *bait syair* dan soalan ceraian (d) meminta calon menyatakan *uslub balaghah* yang digunakan dalam *bait* yang ke tiga serta menjelaskan jenisnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat juga calon yang menjawab secara meneka. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam *aspek balaghah*.

### **Soalan 5**

Soalan (a) meminta calon menyatakan 3 jenis prosa zaman awal Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini demikian kerana kelemahan calon dalam mengingati fakta yang berkaitan. Soalan ceraian (b) meminta calon menyatakan nama dan biodata ringkas penulis prosa. Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang tersalah mengeja nama penulis prosa. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam mengingat fakta-fakta penting yang berkaitan prosa tersebut. Soalan (c) pula menghendaki calon menerangkan pengertian dua ungkapan yang terdapat di dalam prosa tersebut. Manakala soalan (d) meminta calon mengeluarkan 2 isi utama yang terdapat dalam prosa. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun demikian, terdapat juga calon yang menjawab secara meneka. Hal ini demikian kerana calon lemah dalam *aspek gaya bahasa* selain tidak memahami maksud prosa tersebut.



# *Laporan Peperiksaan*

# **STPM 2023**



**Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** (89120-H)



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488  
E-mel: ppa[at]mpm.edu.my